

16 JUL 1998

Komanwel-Kemudahan

HUJAN DEDAH BEBERAPA KECACATAN KOMPLEKS SUKAN NEGARA

Oleh: Arul Rajoo

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Hujan lebat dan angin kencang semalam telah mendedahkan beberapa masalah seperti kebocoran di Kompleks Sukan Negara di sini.

Satu acara terjun di Pusat Akuatik Nasional semalam terpaksa ditangguhkan selama 35 minit kerana ruang penonton disirami air hujan yang ditiup masuk oleh angin.

Pengurus Perbadanan Stadium Merdeka (MSC), Abu Bakar Kassim hari ini berkata oleh kerana kompleks itu masih menjadi tanggungjawab United Engineers Malaysia (UEM) selaku kontraktor utama projek berharga RM800 juta itu, mereka telah diberitahu mengenai segala kecacatan itu.

"Masalah di pusat akuatik disebabkan reka bentuk bumbung. Terdapat kebocoran di Stadium Nasional, Stadium Putra (tertutup) dan stadium skuasy...kita telah meminta UEM membaikinya," kata beliau di sini.

MSC dilantik oleh kerajaan untuk menguruskan kompleks itu yang mengandungi lima gelanggang. Kompleks itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 11 April lepas.

Abu Bakar berkata air menakung di satu bahagian balapan di Stadium Nasional kerana parit di situ tersumbat.

"Cuaca ketika stadium ini hampir siap, tiada hujan. Hanya apabila hujan turun semalam, barulah kita dapat mengesan kecacatannya," kata beliau.

Abu Bakar berkata walaupun masalah itu tidak serius, MSC memandang berat kerana ia boleh menjejaskan imej negara.

Katanya perbadanan itu belum mengambil alih pengurusan kompleks itu daripada UEM kerana masih ada kerja yang belum selesai.

"Lebih 90 peratus kerja telah selesai dan mereka sedang melakukan kerja penyudah. Peralatan seperti papan markah serta sistem pendingin hawa dan sistem bunyi masih lagi diuji," katanya.

MSC bagaimanapun telah mengambil alih aspek pembersihan dan keselamatan di kompleks itu untuk menentukan bahawa Pra-Sukan Komanwel yang sedang berlangsung, tidak menghadapi masalah.

UEM dijangka menyerahkan kompleks itu kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam beberapa minggu ini sebelum ia diambil alih oleh MSC.

Abu Bakar berkata sebaik saja kompleks itu diserahkan kepada perbadanan itu, ia akan membuat persiapan secukupnya menjelang Sukan Komanwel di sini dari 11 hingga 21 Sept ini.

"Jika perlu, kita akan menambah kemudahan awam kerana terdapat sungutan bahawa tandas di luar gelanggang tidak mencukupi," katanya.

-- BERNAMA

AR MAI